

ALOR SETAR, 27 MEI (BERNAMA) - TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGUMUMKAN PERUNTUKAN AKAN DIADAKAN BAGI MEMBANTU PENDUDUK BANDAR YANG MISKIN DARI SEMUA KAUM DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

KATANYA, BANTUAN AKAN DIBERI KEPADA PENJAJA-PENJAJA DALAM BENTUK MODAL DAN MENGADAKAN TEMPAT PERNIAGAAN YANG LEBIH SEMPURNA.

INI, KATANYA, AKAN MEMBOLEHKAN MEREKA MAJU DALAM PERNIAGAAN DAN BERNIAGA DI TEMPAT-TEMPAT YANG LEBIH SELESA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI PROJEK -PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI KEDAH DI WISMA NEGERI DI SINI.

TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR DATO' SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN.

DR. MAHATHIR BERKATA PEGAWAI-PEGAWAI YANG TERLIBAT DALAM PEMBANGUNAN JANGANLAH MENGANGGAP KERJA-KERJA PEMBANGUNAN SEBAGAI KERJA BIASA.

MEREKA HENDAKLAH MEMPUNYAI SEMANGAT BERBANGGA DAN KESEDARAN BAHAWA MEREKA BOLEH MEMBERI SUMBANGAN YANG BERMAKNA TERHADAP KEMAJUAN NEGARA.

INI BERERTI MEREKA TERPAKSA BERKORBAN DAN PERUBAHAN SIKAP PERLU ADA. - BERSAMBUNG 2008/BW

DI SAMPING ITU JENTERA PELAKSANAAN JUGA HENDAKLAH DIPERKUKUKKAN LAGI.

KATANYA, JIKA TIDAK ADA KECEKAPAN, WANG BANYAK YANG DIBELANJAKAN UNTUK PEMBANGUNAN TIDAK AKAN MEMBERI FAEDAH SEPENUHNYA.

BELIAU YAKIN DENGAN ADANYA SEMANGAT PATRIOTISME TERHADAP NEGARA RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN AKAN MENCAPAI KEJAYAAN LEBIH BESAR.

DR. MAHATHIR BERKATA, KEDAH MERUPAKAN SEBUAH NEGERI SEMPADAN DAN MENGHADAPI ANCAMAN PENGGANAS KOMUNIS SECARA LANGSUNG.

PEMBANGUNAN NEGERI KEDAH BUKAN SAJA PENTING BAGI NEGERI INI SENDIRI TETAPI JUGA NEGARA SELURUHNYA.

BELIAU MENAMBAH, PEMBANGUNAN HENDAKLAH DIJALANKAN BUKAN SAJA DENGAN TUJUAN MEMENUHI KEHENDAK-KEHENDAK PEMBANGUNAN TETAPI PERANAN KESELAMATAN JUGA MESTI DIPERHITUNGGAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN PUSAT AKAN MENGHANTAR PEGAWAI-PEGAWAI KE NEGERI-NEGERI YANG KURANG MAJU UNTUK MERANCANG PROJEK-PROJEK YANG BOLEH MEMBERI FAEDAH KEPADA RAKYAT. - BERNAMA 2012010/BW